

"Perkara ini pasti dikaji dengan teliti," kata Dr. M

"Mahathir: Perkara ini jadi issue politik yang besar — Cadangan Pesaka masuk UMNO dikaji dengan teliti", begitulah bunyi sebuah kepala bersaiz besar yang terpapar di muka hadapan Utusan Melayu bertarikh Julai 25, 1978.

Berita di bawah kepala besar itu melaporkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai berkata bahawa UMNO pasti akan mengkaji serta menimbang dengan teliti sekiranya ada permohonan resmi dari Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (P.B.B.) Sarawak untuk diserap ke dalam UMNO.

* * *

Komen Penulis

Ramal orang, samada ahli yang berada di dalam atau 'supporter' di luar UMNO, akan memersetujui apa yang diperkatakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tadi. Kerana, seperti penulis pernah sebutkan di ruangan ini, bahawa setiap duit syiling, samada yang diperbuat dari emas, perak ataupun tembaga, adalah mempunyai dua "side", yakni, dua belah.

UMNO jika boleh dibaratkan sebagai kapal atau bahtera, ianya adalah mempunyai lunas (keel) yang kuat dan stabil, dan dengan itu "seaworthiness", yakni, kemampuannya belayar dengan membawa penumpang dan barang tidaklah menjadi soalan lagi. Selain dari itu ianya pula adalah mempunyai tradisi dan disiplin yang ketat. Dengan itu, amalan "kawan lawan kawan" di antara ahli-ahlinya bukan sahaja tidak digalakkan malah dipandang sumbang. (Nota: "perlawanan" yang dimaksudkan disini adalah perlawanan yang bertentangan dengan kepentingan parti.)

Jikalau, sebagai hipotesa semata-mata, ada kawan yang cuba melawan kawan, salah seorang dari peserta berkecuali, yakni, peserta yang cuba memperjuangkan kepentingan peribadi sambil membelakangkan kepentingan parti, akan di "hanyutkan", samalah seperti setengah-setengah nelayan di pantai timur menghanyutkan perahu kecil berisi nasi kunyit, yang akhirnya akan dipukul ombak dan berkebur tanpa nisan di dasar laut....

Satu lagi perkara penting — sungguhpun UMNO sebuah parti politik yang terbesar dan berpengaruh di Semenanjung Malaysia dan yang diakui ramai seba-

gai tulang-belakang gabungan parti yang memerintah, tetapi nisbah penghormatannya terhadap satu-satu peraturan kerajaan atau undang-undang tidaklah pula berkurangan mengikut kadar perkembangan kuasa dan pengaruhnya. Dengan itu, sungguhpun parti itu telah mengalami berkali-kali pilihanraya, samada umum ataupun kecil, kita belum pernah mendengar kisah MB atau Menteri dari parti berkenaan memperligan atau menukarkan secara sertaina seorang "Returning Officer", yakni Pengurus Pilihanraya, dari kawasan pilihanraya mereka!

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia